

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	3 OCTOBER 2016

Dr. Mahathir rendahkan martabat sebagai negarawan

Um - 3/10/2016

KUALA LUMPUR 2 Okt. - Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merendahkan martabatnya daripada seorang negarawan kepada seorang yang tidak lagi dihormati oleh kebanyakan rakyat hanya dalam tempoh singkat.

Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairul Azwan Harun berkata, semua itu berlaku hanya kerana bekas Perdana Menteri itu tidak dapat menerima hakikat bahawa anaknya, Datuk Seri Mukhriz kalah dalam pertandingan jawatan Naib Presiden UMNO pada

pemilihan parti 2013 dan kehilangan jawatan Menteri Besar Kedah pada tahun ini.



KHAIRUL AZWAN HARUN

Beliau berkata, ramai pihak turut tidak bersetuju dengan cubaan Dr. Mahathir untuk melibatkan raja berperlembagaan dalam matlamat politiknya selain mendakwa Yang di-Pertuan Agong dikenakan tahanan rumah bagi menghalang Seri Paduka menerima 1.3 juta tandatangan rakyat yang telah dikumpulkan.

“Dr. Mahathir yang sebelum ini diangkat sebagai hero telah

berubah sebaliknya. Beliau telah hilang populariti dan penghormatan yang dinikmati sekian lama.

“Malah, beliau tahu akan kehilangan kerusi Parlimen Kubang Pasu jika beliau bertanding dalam Pilihan Raya Umum akan datang. Situasi ini adalah sesuatu yang amat buruk perlu dihadapi oleh seorang bertaraf negarawan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, beliau berkata, hampir semua rakyat Malaysia di United Kingdom telah enggan menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) pimpinan Dr. Mahathir dalam kempen beliau di negara itu baru-baru ini.